

Kerajaan berusaha guna teknologi bumi digital

KUCHING: Kerajaan Malaysia melalui agensi dan jabatan berkaitan serta dasarnya berusaha menggunakan sepenuhnya teknologi bumi digital untuk kebaikan negara ini.

Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan (MPP) Lo Khere Chiang berkata ia termasuk menyediakan kurikulum berkaitan dengan teknologi bumi digital dalam program di institusi pengajian tinggi (IPT) seperti di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

“Kerajaan Malaysia amat komited untuk memastikan pembangunan yang mapan selari dengan keperluan untuk menyediakan keperluan persekitaran yang terbaik bagi kehidupan yang sejahtera untuk rakyatnya,” ujar Lo ketika merasmikan Simposium Bumi Digital Antarabangsa (ISDE) Ke-8 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK) kelmarin.

Hampir 400 peserta dari dalam dan luar negeri terdiri daripada wakil agensi berkaitan serta pakar bidang geologi dan satelit digital menyertai persidangan yang julung kali diadakan di rantau ini bermula kelmarin (26 Ogos)

hingga 29 Ogos ini.

Simposium tersebut merupakan anjuran bersama ISDE, UTM dan UNIMAS dan disokong oleh Biro Konvensyen Sarawak, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia.

ISDE merupakan usaha sama antarabangsa antara bidang sains bumi, sains angkasa lepas dan sains maklumat di mana teknologi tersebut mampu memainkan peranan penting dalam ekonomi dan pembangunan mapan, pemeliharaan alam sekitar, mengurangkan risiko bencana alam, pemuliharaan sumber alam dan menaik taraf kualiti hidup.

Menurut Lo, kerajaan telah menubuhkan koridor-koridor ekonomi bagi memastikan pembangunan yang mapan di negara ini seperti Iskandar Malaysia dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

“Simposium ini bertujuan membolehkan pakar dalam bidang sains geologi dan teknologi digital bertukar pendapat dan berbincang mengenai isu semasa serta mencadangkan pendapat

mengenai cara-cara untuk mengaplikasikan teknologi bumi digital.

“Teknologi bumi digital merupakan inisiatif antarabangsa untuk menyediakan maklumat yang penting dalam menghadapi cabaran semasa seperti kehendak ekonomi, bencana alam dan perubahan iklim dunia,” jelasnya.

Lo memberitahu bahawa pemahaman aspek dinamik mengenai teknologi bumi digital amat penting kerana ia dapat membantu mentafsir kesan-kesan yang berkemungkinan akan berlaku pada masa hadapan akibat pembangunan.

Di samping itu, beliau turut mencadangkan agar teknologi bumi digital diaplikasikan untuk tujuan pemantauan keselamatan di kawasan terpilih dalam usaha membanteras jenayah.

“Saya terfikir jika teknologi seperti ini juga boleh digunakan juga untuk memantau aktiviti jenayah di kawasan awam dan saya berpendapat ia akan dapat membantu mengurangkan aktiviti jenayah dan menjadikan bandar tersebut sebagai bandar yang selamat untuk didiami,” ujar Lo.



TEKNOLOGI BUMI DIGITAL: Lo (tengah) menerima cenderamata daripada Pengerusi ISDE Ke-8 Prof Dr Mazlan Hashim (dua kiri) selepas perasmian simposium di BCKK kelmarin.